

0731

S u B307 DEB

MAHATHIR-NILAI 1984

ALOR SETAR, 30 NOV (BERNAMA) --DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHU RAKYAT NEGARA INIMENGIKIS SIKAP INDIVIDUALISTIK DAN TIDAK AMBILPEDULI TERHADAP MASYARAKAT YANG KINI MULA MENULAR DI KALANGAN MASYARAKAT.

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA PERLU MEMPUNYAI SIKAP BERTANGGUNGJAWAB KEPADA MASYARAKAT DI SEKELILING MEREKA DAN TXDAK PATUTMENCONTOHI SIKAP MEMENTINGKANDIRI SENDIRI YANG MENJADL IKUTAN ORANG BARAT.

+KINI ADA NILAI-NILAI BARU YANG DICONTOHIDARIPADA PUNCA LAIN DENGAN WUJUDNYA SIKAP DIRI SENDIRI LEBIH PENTING DAN BUKANNYA MASYARAKAT. NILAI HIDUPINI JAUH BERBEZA DARIPADA YANG DIAMALKAN OIEH KTTA PADA MASALAH.

+ MEREKA MENGIKUTI PENDAPAT DARIBARAT IAITU DIRISENDIRILEBIH PENTING DARIPADA MASYARAKAT DAN OLEH YANG DEMIKIAN MEREKA PERLU MEMENUHI KEHENDAK SENDIRI UNTUK MENJADIKAN HIDUP MEREKA LEBIH TENTERAM,+ TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIP BERKATA DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN DWI TAHUNAN KESEMBILAN DAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KELAPAN KOPERASI KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT (KGMMB) DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) DI TANJUNG PAUH KIRA-KIRA 17 KM DARI SINI.

BELIAU KESAL KERANA SUNGGUHPUN TARAF PELAJARAN TELAH MENINGKAT, TETAPI ADA DI KALANGAN YANG BERPELAJARAN MENGAMALKAN SIKAP YANG TIDAK SECOCOK DENGAN MASYARAKAT MALAYSIA.

+DI BARAT, ADA KELAKUAN TIDAK SENONOH APABILA SESEORANG ITU BOLEH BERBOGEL DALAM MAJLIS KERAMAIAAN UMPAMANYA DAN TIDAK SESIAPA YANG PEDULI ATAU MELARANG.

+DISINI SUNGGUHPUN KITA TIDAK MENGIKUTI TINGKAH LAKU YANG MELAMPAU SEPERTI ITU TETAPI SUDAH TIMPUL BIBIT-BIBIT YANG MENUNJUKKAN BAHWA KITA TIDAK SEGAN SILU MENARI DI SUPERMARKET? MEMAKAI APASAHAJA YANG KITA MAHU DAN HENDAK BUAT APA SAHAJA TANPA MENGHIRAUKAN ORANG LAIN. +

PERDANA MENTERI BERKATA YANG LEBIH MENDUKACITA LAGI IALAH MEREKA YANG BERPELAJARAN TINGGI YANG MENDAPAT BIASISWA DAN PELUANG BELAJAR DI LUAR NEGERI TIDAK BERSYUKUR DAN BERASA BERHUTANG BUDI KEPADA KERAJAAN.

MEREKA BUKAN SAHAJA TIDAK MEMBAYAR BALIK PINJAMAN YANG DIKELUARKAN UNTUK PENGAJIAN MEREKA TETAPI SEBALIKNYA MEMPIJNYAK SIKAP MASYARAKAT TERHUTANG BUDI KEPADA MEREKA DAN BUKAN MEREKA TERHUTANG BUDI KEPADA MASYARAKAT.

+MEREKA JIDAK LANGSUNG MENGHORMATI MASYARAKAT. MEREKA FIKIR MEREKA BOLEH BUAT APA SAHAJA YANG DIINGINI DENGAN BEBAS,+ KATANYA, OLEH YANG DEMIKIAN, DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHWA SEMUA PIHAK ADALAH BERTANGGUNGJAWAB DAN BUKAN SAHAJA TERBATAS KEPADA PARAGURU DAN IBU BAPA UNTUK MENGAJAR NILAI-NILAI YANG BAIK KEPADA ANAK-ANAK MEREKA.

KERAJAAN BERUSAHA MENANAMKAN NILAI-NILAI YANG BAIK SEPERTI BERSIH, CEKAP DAN AMANAH UNTUK MEMBENTUK FIKIRAN MASYARAKAT TERUTAMA ANAK-ANAK MUDA YANG MERUPAKAN 50 PERATUS DARIPADA PENDUDUK MALAYSIA UNTUK MENENTUKAN MEREKA MEMPUNYAI PERIBADI YANG TINGGI.

BELIAU PERCAYA DENGAN PENDIDIKAN AKHLAK DAN NILAI-NILAI YANG MULIA DAN TINGGI, NEGARA TIDAK MENGHADAPI SEBARANG MASALAH.

+ KALAU KITA MEMPUNYAI MASALAH SEKARANG, SEBABNYA IALAH KURANG AMANAH, TIDAK CEKAP, TIDAK BERDISIPLIN DAN LAIN-LAIN NILAI YANG BOLEH MEMBAWA KEBAHAGIAN KEPADA SEMUA.

DR. MAHATHIR JUGA MEMBIDAS GOLONGAN TERTENTU YANG BERPEGANG KEPADA TEORI +MALTHUSIAN+ IAITU MATLAMAT KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN JUMLAH PENDUDUK HINGGA 70 JUTA AKAN MENDATANGKAN MASALAH KEPADA MASYARAKAT KERANA AKAN TIMBUL KEKURANGAN MAKANAN DAN TEMPAT TINGGAL.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MEMPUNYAI PENDAPAT YANG BERBEZA DAN YAKIN BAHWA KEMUDAHAN DAPAT DITINGKATKAN PADA MASA AKAN DATANG APABILA BILANGAN PENDUDUK KIAN BERTAMBAH.

SEBAGAI CONTOH, BELIAU MENYEBUTKAN BANYAKNYA SEKOLAH-SEKOLAH DIDIRIKAN DI NEGARA INI JIKA DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN.

DI MALAYSIA 9 TIAP-TIAP DUA ATAU TIGA KILOMETER? ADA DUA ATAU TIGA SEKOLAH BARU TETAPI DI ERUPAH UMPAMNYA CUMA TERDAPAT SEKOLAH-SEKOLAH LAMA SAHAJA KERANA JUMLAH PENDUDUKNYA TIDAK MENINGKAT DENGAN PESAT. -- BERNAMA

1706MST 30.11.84